

ZA'BA (1895 - 1973): SATU PENGENALAN

Norhalim Hj. Ibrahim

Pendahuluan

Ramai orang beranggapan bahawa Za'ba itu nama sebenar seorang tokoh kelahiran Negeri Sembilan. Pada hakikatnya, Za'ba ialah nama pena atau nama samaran yang telah digunakan sejak peringkat awal penulisan pada tahun 1917. Za'ba ialah singkatan kepada Zainal Abidin bin Ahmad. Selain Za'ba, tokoh yang dibicarakan ini menggunakan nama pena seperti Patriot, Anak Melayu Jati, M. Zai dan Zai Penjelmaan. Namun, antara pelbagai nama samaran itu, nama pena Za'ba amat disenanginya dan telah menjadi ganti nama yang kekal kepada beliau di sepanjang hayatnya. Malahan, generasi kini lebih kenal Za'ba daripada Zainal Abidin bin Ahmad. Contohnya, jika nama rumah mercu tanda tempat beliau dilahirkan ini dinamakan "Teratak Zainal Abidin bin Ahmad", orang akan bertanya siapa itu Zainal Abidin bin Ahmad? Namun dengan menggunakan nama Za'ba, semua orang tahu walaupun tak kenal, siapa dia Za'ba!

Ramai yang mengenalinya hanya sebagai tokoh bahasa kerana nama Za'ba sinonim dengan semua aspek pembangunan bahasa Melayu. Sejak awal tahun 1930-an, buku-buku bahasa susunan beliau telah menjadi buku teks, bukan sahaja di sekolah rendah tetapi juga di maktab perguruan iaitu institusi yang paling tinggi bagi orang Melayu dalam sistem pendidikan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu. Namun, Za'ba telah mula menulis sejak tahun 1916 lagi dan tema atau pokok penulisan beliau adalah tentang pembangunan minda masyarakat Melayu. Berikut nanti akan dilihat bidang-bidang perjuangan kebangsaan beliau untuk "memajukan bangsa dan tanah airnya".

Latar Belakang Za'ba

Dari segi sistem kemasyarakatan, Za'ba dibesarkan dalam dua dunia. Menurut keturunan ayahnya Ahmad bin Ibrahim bin Hj. Ahmad bin Hj. Amil, beliau berketurunan Bugis dan pengamal Adat Linggi atau Adat Muafakat dan

Kebulatan atau nama sebenarnya Muafakat bil Kitab Wassunati Gabulatan Minat Ustaz Ilamanati. Adat Linggi ialah adat yang menjuraikan keturunan daripada nasab bapa atau patrilineal. Daripada pihak ibunya pula, Fintan atau Intan binti Awaluddin daripada suku Tanah Datar, beliau ialah pengamal Adat Perpatih yang menjuraikan keturunan daripada nasab ibu atau matrilineal. Ayahnya merupakan orang yang berharta, berpengetahuan agama, dan satu-satunya penduduk di kampung itu yang tahu membaca dan menulis jawi.

Zaman Kecil

Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan. Beliau telah tinggal di kampung ini sehingga beliau berumur 12 tahun. Segala kegiatan di kampung itu sama ada dari segi pekerjaan, perusahaan, kepercayaan, adat resam, perayaan dan permainan tidak asing lagi bagi Za'ba. Sebahagian daripada pengalaman ini diperoleh apabila beliau turut membantu kerja ibu bapanya, dan juga daripada penglibatan beliau bersama masyarakat kampungnya dalam pelbagai kegiatan. Za'ba turut menternak binatang peliharaan, membantu kerja-kerja sawah - termasuk pemprosesan padi hingga menjadi beras (menuai, menjemur dan menumbuk padi dengan lesung kaki). Beliau juga turut membantu ayahnya mengutip hasil hutan - mencari rotan dan pucuk kayu, juga menjerat binatang seperti pelanduk dan landak. Beliau juga turut menunggu durian pada musim buahnya masak. Pendek kata Za'ba, untuk selama 12 tahun telah disosialisasikan dengan cara hidup masyarakat Kampung Bukit Kerdas.

Sebagai seorang kanak-kanak, semasa kecilnya Za'ba juga bebas bermain dan merayau di serata kampung, sawah dan belukar bersama kawan-kawannya. Pelbagai jenis permainan yang biasa bagi budak-budak kampung turut dimainkan. Antara permainan itu ialah menarik-narik dan melaga-lagakan 'kerbau' yang diperbuat daripada pelepah kelapa sebagai badannya dan pecahan tempurung sebagai 'tanduknya'; menunggang kuda dengan menggunakan upih pinang masak; dan bermain *bulang-baling* daripada daun kayu yang boleh mengeluarkan bunyi. Beliau juga bermain gasing yang dibuatnya sendiri, bermain guli dan layang-layang. Selain itu, Za'ba juga pernah membuat jerat ayam denak, menggetah burung dan membuat perangkap pelanduk.

Za'ba sangat suka mandi di Sungai Jempol dan anak-anak sungai di kampungnya sambil mengail dan menimba lubuk pada musim kemarau untuk menangkap ikan. Pada musim ke sawah pula, Za'ba turut memasang tengkalak di tempat pelepasan air di sawah. Permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti ini berlanjutan sehingga beliau dipindahkan belajar ke Linggi pada tahun 1907.

Pendidikan Awal

Za'ba tidak mendapat pendidikan formal sehingga berumur 12 tahun. Sekolah yang terdekat dengan kampung beliau pada masa itu ialah Sekolah Melayu Kuala Jempol. Jauhnya sekolah ini dari rumah Za'ba adalah kira-kira empat kilometer. Untuk sampai ke sekolah itu beliau terpaksa menempuh hutan, menyeberang sungai dan melintasi sawah. Oleh itu, Za'ba tidak disekolahkan di situ kerana masalah-masalah tersebut.

Tidak bersekolah, tidak bermakna Za'ba tidak diberi pendidikan. Ayahnya seorang yang berpelajaran dan sangat peka dengan pendidikan anaknya. Sebagai ayah yang bertanggungjawab, beliau telah mula memberi pendidikan kepada Za'ba apabila beliau meningkat umur lima tahun. Pelajaran pertamanya ialah membaca Muqadam. Ini diikuti pula dengan pelajaran membaca al-Quran, berzanji dan juga cara serta hukum mengerjakan ibadat sembahyang dan puasa. Pelajaran-pelajaran ini disampaikan pada tiap-tiap hari iaitu selepas waktu sembahyang subuh, zohor dan maghrib. Bapanya sangat tekun dalam usahanya mengajar Za'ba. Beliau merupakan seorang ayah yang sangat garang dan ini menyebabkan Za'ba takut dan amat patuh dalam proses pembelajarannya.

Za'ba dapat mengikuti pelajaran yang diajarkan bapanya itu dengan baik. Semasa berumur tujuh tahun, beliau telah khatam al-Quran sebanyak empat kali. Di samping itu, beliau juga dapat menghafaz Surah Yasin dan pandai pula berzanji. Pada peringkat itu, Za'ba benar-benar dapat memahami cara-cara serta hukum-hukum, selain dapat menghafaz ayat-ayat yang perlu dibaca untuk mengerjakan ibadat sembahyang dan puasa. Beliau disuruh oleh bapanya supaya bersembahyang, kerana menurut bapanya, kalau tidak mengerjakan sembahyang apabila umur meningkat tujuh tahun, hukumannya ialah dipukul. Suruhan bapanya itu diikuti dengan taat sekali.

Semasa berusia lapan tahun, Za'ba dibawa oleh bapanya beberapa kali ke surau di kampung untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada jemaah yang hadir. Mereka tertarik hati dan kagum sekali dengan kebolehan luar biasa seorang "budak kecil" yang bijak itu. Ini menjadikannya terkenal dan selalu dibawa oleh orang-orang kampungnya ke serata tempat di dalam daerah Jempol untuk berzanji dan membaca al-Quran.

Walaupun Za'ba sudah pandai mengaji al-Quran dan berzanji, beliau belum lagi dapat membaca dan menulis tulisan jawi. Beliau telah belajar menulis jawi atas daya inisiatif sendiri dan akhirnya dapat menulis kalimat atau ayat

seperti *Bismillah ar-rahman ar-rahim*, Surah al-Ikhlâs, Surah Fatihah, kalimah syahadah dan istighfar dan lafaz niat sembahyang dan puasa. Menulis ayat-ayat ini dijadikan satu permainan dan dituliskan pada pangkal pelepah anak-anak pisang yang berkapur menggunakan "pensel" yang diperbuat sendiri daripada ranting kayu.

Melihat permainan Za'ba yang ganjil ini, iaitu sehingga habis anak pisang bertulis dengan ayat-ayat, bapanya telah membelikannya sebuah papan batu dengan enam batang kalam batu. Dengan mudah sahaja Za'ba dapat menguasai pembelajaran menulis dan membaca jawi yang diajarkan bapanya. Dalam jangka masa tiga bulan sahaja selepas belajar itu Za'ba sudah boleh membaca buku bacaan yang digunakan sebagai buku bacaan darjah dua dan tiga pada zaman itu. Buku-buku tersebut ialah *Pemimpin Pengetahuan*, *Pohon Pelajaran* dan *Jalan Kepandaian*. Di samping itu, beliau juga diajar ilmu kira-kira yang mudah (campur, tolak, darab dan bahagi), serta membaca dan menulis pantun dan syair.

Bapa Za'ba tidak tahu membaca dan menulis rumi, tetapi ini tidak menghalang beliau untuk memberi pengetahuan tersebut kepada Za'ba. Dengan pertolongan Muhamad bin Datuk Muda, iaitu saudara dua pupu ayahnya, Za'ba telah diajar menulis dan membaca rumi pada setiap malam Jumaat. Za'ba mengambil masa selama enam bulan untuk menguasai pelajaran yang diajarkan. Ketika itu umur Za'ba sudah meningkat 12 tahun tetapi masih belum bersekolah lagi.

Persekolahan

Semasa berumur 12 tahun iaitu pada 30 Jun 1907 Za'ba berpeluang mendaftarkan dirinya bersama 82 orang murid lain yang berusia antara enam hingga 15 tahun di Sekolah Melayu Batu Kikir. Semua murid diletakkan dalam darjah satu tetapi Za'ba seorang dalam darjah tiga kerana beliau boleh menulis dan membaca jawi dan rumi serta boleh membuat kira-kira.

Za'ba tidak lama belajar di sekolah ini. Setelah empat bulan setengah, iaitu pada 12 November 1907, beliau dipindahkan pula oleh bapanya untuk belajar di Sekolah Melayu Linggi. Di sekolah ini Za'ba belajar dalam darjah tiga juga.

Tujuan bapanya menukarkan persekolahan Za'ba ke Linggi adalah supaya Za'ba dapat belajar bahasa Arab dan agama. Pada masa itu terdapat beberapa orang guru agama yang berkaliber, berpengaruh bukan sahaja di kalangan masyarakat Linggi tetapi juga di Negeri Sembilan dan Selangor. Oleh itu, bapanya

berhasrat agar Za'ba dapat diasuh dengan sempurna dalam nahu Arab agar kemudian boleh melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Antara guru agama Za'ba ialah Hj. Abas bin Zakaria, Hj. Mustafa bin Hj. Ahmad dan Hj. Muhammad Said bin Hj. Jamaludin. Za'ba belajar agama di sebelah petang sahaja; iaitu bertempat di Masjid Linggi.

Semasa persekolahan, Za'ba sentiasa mendapat nombor satu dalam tiap-tiap peperiksaan akhir tahun yang diadakan di sekolahnya. Dalam Peperiksaan Darjah Lima yang diadakan pada Oktober 1909, Za'ba mencapai kejayaan yang sangat cemerlang.

Pada bulan November 1909, Za'ba bersama dengan seorang murid lain, Shamsuddin, mewakili Sekolah Melayu Linggi menduduki satu peperiksaan yang dikenali sebagai "peperiksaan beradu" (sebenarnya *Scholarship Examination*, 1909). Tujuan peperiksaan ini diadakan adalah untuk memilih murid-murid yang layak memasuki Sekolah Inggeris seperti Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan Christian Brothers School di Seremban, ataupun untuk menjadi 'guru kecil' atau guru pelatih.

Semasa membuat pilihan itu, Za'ba mendaftarkan dirinya untuk menjadi guru pelatih. Bagi Za'ba, pilihan itu satu-satunya jurusan yang direstui oleh bapanya kerana beliau tidak dibenarkan memasuki sekolah Inggeris. Harapan bapanya adalah bahawa sekiranya Za'ba berjaya dalam peperiksaan itu dan dipilih menjadi guru pelatih, beliau boleh ditempatkan untuk mengajar di Linggi juga. Oleh itu dapatlah Za'ba meneruskan pengajian agama sehingga cukup mendalam selama lima atau enam tahun lagi sebelum dihantar melanjutkan pengajian agamanya di Mekah dan Mesir. Bagi ayah Za'ba, belajar di sekolah Inggeris yang dianggap sebagai "sekolah kafir" itu banyak bahayanya. Beliau merasakan bahawa akidah orang Islam akan dipesongkan oleh orang putih.

Apabila keputusan 'peperiksaan beradu' diisytiharkan sebulan kemudian, Za'ba muncul sekali lagi sebagai murid terbaik. Ia mendapat nombor satu daripada seramai 265 orang murid yang menduduki peperiksaan tersebut. Keputusan itu sebenarnya di luar dugaan Za'ba sendiri. Keputusan peperiksaan ini melayakkan beliau untuk memasuki MCKK. Beliau juga layak dari segi keturunan aristokrat kerana tergolong dalam keluarga Datuk Muda Linggi. Ini menyebabkan Za'ba menyesali pilihan yang dibuatnya dahulu. Walau bagaimanapun Za'ba memberanikan diri untuk membuat rayuan memohon untuk memasuki sekolah Inggeris pula. Keputusan ini diambil tanpa pengetahuan bapanya.

Za'ba atas suruhan gurunya, Ahmad bin Ali al-Redza, saudaranya juga, telah menulis surat rayuan kepada A. Kiev, nazir sekolah di Negeri Sembilan, untuk memohon supaya ditukarkan pilihannya dahulu. Surat disarankan supaya disampaikan oleh Za'ba sendiri apabila A. Kiev melawat Sekolah Melayu Linggi. Pada akhir 1909, Za'ba berjaya menyampaikan surat rayuan itu kepada A. Kiev.

Za'ba di Sekolah Inggeris

Pada 10 Januari 1910 Za'ba pergi menemui A. Kiev, di pejabatnya di Seremban untuk melaporkan diri sebelum pergi ke sekolah. Za'ba telah diberikan buku tulis dan buku teks percuma untuk kegunaannya di sekolah Inggeris. Pada hari yang sama Za'ba telah dimasukkan ke St. Paul Institution bersama lima orang murid dari sekolah-sekolah Melayu yang terpilih melalui 'peperiksaan beradu' dahulu. Semua mereka, termasuk Za'ba mendapat biasiswa sebanyak \$5.00 sebulan daripada kerajaan Negeri Sembilan semasa bersekolah di situ.

Setelah Za'ba memasuki sekolah Inggeris, beliau menulis surat kepada bapanya di kampung untuk memberitahu perkembangan tersebut dan berharap mendapat restu serta kemaafan daripada bapanya kerana sikapnya itu. Surat yang diterima pada 14.1.1910, sangat mengejutkan dan menyedihkan bapanya. Bapanya telah menangis teresak-esak di pangkal sebatang pokok seolah-olah telah menerima berita kematian salah seorang keluarganya. Setelah tenang beliau menjelaskan kepada orang ramai yang kebetulan berada di situ selepas menunaikan sembahyang Jumaat, bahawa ia "kehilangan seorang anak", kerana anaknya itu sudah masuk belajar di sekolah orang putih.

Akibat memasuki sekolah Inggeris itu, Za'ba tidak dibenarkan pulang ke kampungnya di Bukit Kerdas dan segala urusan persekolahan Za'ba di Seremban itu tidak dipedulikannya. Hubungan antara Za'ba dan bapanya terputus untuk lebih kurang tiga tahun.

Walaupun mereka putus hubungan, namun bapanya sentiasa mengambil tahu perkembangan Za'ba terutama sekali tentang sikap keagamaannya. Melalui kenalan di Seremban, bapanya mengetahui bahawa Za'ba tetap seperti dahulu iaitu akidah Za'ba tetap teguh dan tidak terpesong. Za'ba tidak pernah meninggalkan sembahyang, tetap berpuasa walaupun sekolahnya tidak bercuti pada bulan Ramadhan. Za'ba terus berbaju Melayu, bercukur rambut serta bersongkok. Fakta pencepat kepada pemulihan semula hubungan antara Za'ba dengan bapanya berpunca daripada kejayaan Za'ba dalam pelajarannya. Pada tahun 1911 Za'ba berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan darjah tiga

dan ini membolehkan beliau memasuki darjah lima pada tahun berikutnya.

Kejayaan ini berserta tidak ada perubahan sikap dan akidah melembutkan hati bapanya dan mula menunjukkan minatnya terhadap pelajaran Za'ba. Beliau melahirkan rasa gembiranya dan mengirimkan wang perbelanjaan kepada Za'ba melalui Muhammad bin Datuk Muda sebanyak \$6.00. Dalam suratnya bertarikh 17.11.1911, beliau mengamanahkan Muhammad supaya memberi tunjuk ajar kepada Za'ba sebagai ganti dirinya. Namun, Za'ba masih tidak dibenarkan pulang ke kampungnya.

Pada akhir tahun 1912 barulah bapa Za'ba benar-benar dapat melupakan peristiwa "membuang" anaknya dan memaafkan Za'ba. Beliau mengirimkan sepucuk surat berserta wang sebanyak \$1.25 kepada Za'ba sebagai tambang dan menyuruh Za'ba pulang bercuti di kampungnya di Bukit Kerdas. Dengan demikian berakhirilah kemarahan bapanya. Selepas pengampunan ini, Za'ba dapat belajar dengan lebih tenteram lagi, dan juga mendapat bantuan kewangan daripada bapanya. Dengan adanya tambahan sumber kewangan ini, mulai tahun 1913, Za'ba dapat membeli kasut dan tidak lagi berkaki ayam ke sekolah.

Pada bulan Disember 1913 Za'ba menduduki peperiksaan *Preliminary Cambridge* yang diadakan di Kuala Lumpur. Beliau lulus dalam peperiksaan itu dan berjaya mendapat pangkat *Third Class Honours*. Pada tahun berikutnya (1914) beliau menghadapi dua peperiksaan iaitu Peperiksaan *Standard VIII* dan Peperiksaan *Junior Cambridge*. Za'ba lulus kedua-dua peperiksaan itu dengan cemerlang. Sementara menunggu keputusan peperiksaan *Junior Cambridge* yang diisytiharkan pada bulan April 1915, pada 15 Januari 1915 beliau memohon memasuki Medical School di Singapura. Beliau tidak berjaya kerana syarat kemasukan ke Medical School pada masa itu adalah dengan kelayakan *Senior Cambridge*. Di samping itu, setiap permohonan dikehendaki juga mempunyai kelayakan bahasa Latin.

Dalam tahun 1915 juga beliau menghadapi sekurang-kurangnya dua masalah iaitu:

1. Hanya beliau sahaja daripada sepuluh orang pelajar yang lulus standard VIII yang ingin meneruskan pelajaran ke peringkat *Senior Cambridge*
2. Bapa Za'ba mahu beliau berhenti daripada meneruskan pelajarannya dan bekerja makan gaji.

peluang untuk melanjutkan pelajaran ke *Medical Schools* di Singapura. Permohonan ini juga gagal kerana pada masa itu tiada kekosongan jawatan di Negeri Sembilan, dan untuk melanjutkan pelajaran ke *Medical School* pula, kerajaan negeri telah memansuhkan biasiswa untuk pelajar-pelajar Negeri Sembilan untuk tujuan tersebut. Oleh itu harapan Za'ba untuk melanjutkan pelajaran berakhir dengan kehampaan.

2. Guru di Johor Bahru

Setelah gagal memohon beberapa jawatan di Negeri Sembilan, pada 24 Mei 1916, Za'ba telah memohon jawatan guru yang dibuka oleh kerajaan Johor kepada calon-calon Melayu yang memiliki kelulusan *Senior Cambridge*. Tanpa temuduga Za'ba telah diterima mengisi jawatan tersebut. Pemergian Za'ba ke Johor cuba dihalang oleh Kerajaan British Negeri Sembilan yang merasakan bahawa Za'ba sepatutnya berkhidmat dengan kerajaan Negeri Sembilan, bukan kerajaan Johor. Walau bagaimanapun Za'ba tidak menghiraukan halangan kerajaan Negeri Sembilan itu.

Pada 1 Jun 1916 Za'ba telah melapor diri kepada Pegawai Pelajaran Johor untuk menerima jawatan Guru Penolong. Gaji permulaan Za'ba sebanyak \$116.25, termasuk elaun sara hidup, dengan kenaikan gaji tahunan sebanyak \$5.00.

Za'ba telah ditugaskan mengajar di Bukit Zaharah Government School. Semasa mengajar di sekolah ini Za'ba terpaksa tinggal di hotel di Johor Bahru kerana susah mendapatkan rumah sewa. Namun, selepas sebulan bertugas di situ, beliau telah dipindahkan ke Johor Government English College yang dianggap setaraf dengan MCKK. Di kolej ini beliau telah diberi tempat tinggal iaitu di salah sebuah daripada empat menara yang terdapat di sekolah itu.

Semasa di Johor Bahru ini Za'ba telah belajar nahu Arab daripada Sheikh Tahir Jalaludin yang menjadi guru agama di sana. Beliau hanya sempat belajar selama tujuh bulan. Walaupun kesempatan belajar itu agak singkat, namun persahabatan itu kekal hingga ke akhir hayat Sheikh Tahir pada 1956. Melalui Sheikh Tahir, secara tidak langsung Za'ba mengikuti perkembangan reformasi Islam yang dibawa oleh Jamaluddin Afghani, Muhammad Abdul dan Syed Muhammad Rashid Ridha.

3. Guru di Malay College Kuala Kangsar (MCKK)

Pada bulan April 1918 Za'ba memohon jawatan guru sementara di MCKK

dan melapor diri pada 3 Oktober 1918 dan ditawarkan gaji bersih sebanyak \$158.00 sebulan. Gaji maksimum mengikut skim ini ialah \$200.00 dengan kenaikan tahunan sebanyak \$5.00. Di MCKK, Za'ba ditugaskan mengajar bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Za'ba juga dilantik menjadi guru penyelia bagi pengajaran Bahasa Melayu. Pada tahun 1920-1921 beliau berpeluang memasuki kelas *Senior Normal Education* yang diadakan pada tiap-tiap hujung minggu di Taiping untuk mendapat kelayakan ikhtisas perguruan.

Di MCKK juga beliau dapat menyambung pembelajarannya daripada Sheikh Tahir Jalaludin, tetapi hanya selama tiga bulan sahaja kerana Sheikh Tahir telah berpindah pula ke Pulau Pinang untuk menjadi guru di Madrasah al-Mahsyur.

4. Pegawai di Pejabat Penolong Pengarah Pelajaran

Pada 24 Mei 1923 Za'ba diarahkan bertugas ke Pejabat Penolong Pengarah Pelajaran negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat di Kuala Lumpur sebagai Penterjemah dan Pengarah Melayu. Beliau dikehendaki membantu menyediakan buku teks bagi kegunaan sekolah-sekolah Melayu. Gaji Za'ba tetap seperti awal perkhidmatannya di MCKK dahulu kerana beliau dikenakan sekatan kenaikan gaji.

Pertukaran ke Kuala Lumpur ini menimbulkan beberapa masalah. Beliau tidak diberi tempat tinggal percuma dan sukar pula mendapatkan rumah sewa. Untuk sementara waktu, Za'ba dan keluarga tinggal di rumah adiknya Muhammad Yusof yang ketika itu menjadi Penolong Nazir Sekolah Melayu di Selangor. Disamping itu perbelanjaan hidup di Kuala Lumpur lebih tinggi berbanding di Kuala Kangsar. Untuk menampung perbelanjaan, mulai 5 Jun 1923 Za'ba telah mengajar bahasa Inggeris secara sambilan kepada orang dewasa Melayu yang terdiri daripada kakitangan kerajaan daripada pelbagai jabatan di Kuala Lumpur. Langkah ini memberi pendapatan tambahan sebanyak \$40.00 kepada Za'ba. Kelas ini berakhir pada Mac 1924.

5. Pegawai/Pensyarah di Sultan Idris Training College Tanjung Malim

Pada 1 April 1924 Za'ba ditukarkan ke Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim. Pertukaran Za'ba ke SITC ini mungkin atas muslihat kerajaan Inggeris, khususnya R.O. Winstedt. Sejak bertugas di MCKK, khasnya selepas ditemu duga oleh Raja Chulan, kegiatan penulisannya sentiasa diawas oleh kerajaan kolonial British. Akibatnya beliau mengalami pelbagai dugaan dalam

sejarah kerjayanya. Selain itu, badan perisik kerajaan kolonial (*Malayan Intelligence Bureau*) juga turut mengawasi setiap kegiatan Za'ba. Apa yang lebih malang lagi ialah Abdul Majid Ainuddin, iaitu sahabat karib Za'ba, yang juga Yang Dipertua Kedua, yang berkhidmat sebagai anggota Polis Cawangan Perisik, bertindak menjadi pengintip kepada kegiatan Za'ba.

Di SITC, kerajaan British berharap akan menyekat kebebasan sosial Za'ba. Dalam bidang penulisan pula, Za'ba diberi tugas berat seperti menterjemah dokumen kerajaan, menulis buku-buku teks, mengajar dan sebagainya sehingga tidak dapat berkisar atau menyumbang penulisananya dalam akhbar dan majalah. Penghadan aktiviti fizikal dan mental ini diketatkan lagi dengan hanya memberikan kakitangan pembantu yang paling minima. Dengan demikian, pengawasan terhadapnya dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Tugas pengawasan itu diserahkan kepada O.T. Dussek, pengetua SITC.

Pertukaran ini secara tidak langsung mengasingkan Za'ba daripada sahabat-sahabat seperjuangannya di Kuala Lumpur dan kegiatan sosialnya juga tersekat dengan sendirinya. Di pihak lain pula, pertukaran ini memberi rahmat kerana berkuatkuasa pada Jun 1924, Za'ba dilantik sebagai kakitangan perkhidmatan tetap pelajaran setelah 44 bulan disekat kenaikan gajinya. Za'ba juga diberi tunggakan bermula sejak beliau lulus peperiksaan *Senior Normal Education* (September 1921). Mulai hari itu Za'ba menerima gaji bulanan sebanyak \$209.00.

Tugas pertama Za'ba di SITC adalah mengasaskan Pejabat Penterjemah. Tujuan utama adalah menterjemahkan dokumen-dokumen penting kerajaan serta menyediakan bil dan enakmen untuk pelbagai jabatan kerajaan; dan menyediakan buku teks bagi kegunaan sekolah-sekolah Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Selat yang dikenali sebagai *The Malay School Series*. Pengurusan jabatan ini bergantung sepenuhnya kepada daya usaha dan tenaga Za'ba serta sebilangan kecil kakitangan di bawahnya, selain bertanggungjawab sepenuhnya dalam pentadbiran harian jabatan itu.

Dalam bulan Julai 1924 Za'ba memohon melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di University Cambridge atau Oxford. Walaupun permohonan ini disokong oleh O.T. Dussek, pengetua SITC tetapi dihalang oleh R.O. Winstedt. Peristiwa halangan R.O. Winstedt ini tidak dapat dilupakan sehingga beliau bersara.

Pada tahun 1929, beban tugas Za'ba menjadi lebih berat kerana ditugas-

kan juga untuk mengelolakan penerbitan dalam siri Perpustakaan Umum (*The Malay Home Library Series*). Tugas ini terpaksa dan berjaya dilaksanakan walaupun tanpa kakitangan yang cukup. Sungguhpun jabatan ini berfungsi secara sendiri dan berasingan daripada SITC, tetapi di bawah ketua yang sama iaitu O.T. Dussek. Oleh itu, kakitangan Jabatan Karang Mengarang juga terlibat sama dalam kerja-kerja mengajar dan kegiatan kokurikulum maktab tersebut. Pada November 1924 Za'ba dilantik menjadi Pengerusi Majlis Bahas SITC. Antara tugas Za'ba dalam kedudukan ini adalah melatih pelajar-pelajar berbahas dan bersyarah dan menganjurkan majlis perbahasan dan syarahan pada tiap-tiap malam Khamis di maktab itu.

Bermula tahun 1929 Za'ba ditugaskan untuk mengetuai Bahagian Pelajaran Bahasa Melayu SITC. Tugas Za'ba termasuk menyediakan kurikulum dan mengajar pelajar-pelajar tahun satu hingga tiga. Pada tahun itu juga, untuk menambah ilmu bakal guru-guru Melayu, Za'ba secara sukarela memulakan kelas bahasa Inggeris.

Selain tekanan kerja, Za'ba juga mengalami tekanan peribadi, iaitu masalah persekolahan anak-anak perempuannya. Beliau mahukan anak-anaknya berpendidikan Inggeris tetapi kemudahan itu belum ada di Tanjung Malim. Untuk sementara waktu, anak-anaknya disekolahkan di Sekolah Melayu Tanjung Malim. Pada 1929 demi kepentingan pelajaran anak-anaknya, Za'ba telah memindahkan mereka ke Sekolah Inggeris Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur. Keluarga Za'ba terpaksa berpindah ke Kuala Lumpur dan menyewa rumah di Kampung Baru, dan kemudian ke rumah sendiri apabila Za'ba membeli rumah di situ juga. Za'ba terus tinggal di Tanjung Malim sendiri, dan hanya bertemu keluarga semasa cuti hujung minggu ataupun cuti penggal persekolahan. Keadaan ini berterusan sehingga Za'ba ditukarkan dari Tanjung Malim pada akhir tahun 1939.

Akibat tekanan ini, pada tahun 1931 Za'ba diserang tekanan jiwa (*nervous breakdown*). Beliau terpaksa dimasukkan ke rumah sakit. Kesihatannya tidak stabil walaupun telah keluar hospital. Sehingga bulan September 1931, beliau beberapa kali mengambil cuti sakit. Akhirnya atas nasihat doktor pada bulan September 1931, Za'ba telah melawat Indonesia selama tiga bulan dengan tujuan berubah angin, berubah penglihatan, berubah pengalaman dan berubah segala-galanya. Za'ba juga dinasihatkan supaya tidak menulis ataupun membaca buku selama bercuti itu.

Walaupun demikian, Za'ba juga ditugaskan untuk melawat Balai Pustaka

semasa di Indonesia. Ini kerana Dussek merancang untuk memperbesar Jabatan Karang Mengarang sama seperti Balai Pustaka. Sekembalinya dari Indonesia, beliau menulis laporan kepada Winstedt, Pengarah Pelajaran, mengemukakan cadangan memperkemas dan mempertingkatkan lagi kegiatan Jabatan Karang Mengarang SITC. Syor Za'ba ini ditolak dengan alasan bahawa kerajaan British lebih cekap dan lebih besar daripada kerajaan Belanda dan tidak perlu meniru. Oleh itu, Jabatan Karang Mengarang SITC kekal pada kedudukan lamanya.

Penolakan syor ini sangat mengecewakan Za'ba. Berikutan itu beliau telah memohon ditukarkan ke jawatan lain. Namun, semua permohonannya ditolak. Beliau terus menulis, tetapi tulisannya sejak tahun 1932 hingga 1936 tidak dapat diterbitkan kerana pandangan dan idea revolusionarinya. Oleh sebab sangat kecewa, Za'ba, pada 20.10.1936 telah menulis kepada Dussek yang telah bersara ketika itu, menyatakan secara sinis bahawa beliau telah menyarankan supaya beberapa jilid tulisannya itu diserahkan sahaja kepada Muzium British apabila beliau meninggal kelak.

Oleh sebab sangat kecewa atas tekanan ini dan juga sebagai protes terhadap kerajaan British, Za'ba berura-ura untuk berhenti daripada bekhidmat dengan kerajaan menjelang tahun 1935. Beliau ingin bekerja bersama-sama Syed Alwi al-Hadi bagi meneruskan kerja-kerja peninggalan sahabat karibnya Syed Sheikh al-Hadi di Jelutong Press, Pulau Pinang. Namun atas nasihat Syed Alwi al-Hadi sendiri serta Syed Abdullah al-Maghribi dan S.M. Zainal Abidin, Za'ba membatalkan rancangan tersebut. Dengan keputusan itu Za'ba terpaksa meneruskan tugas biasanya di Pejabat Karang-Mengarang.

6. Pegawai di Jabatan Penerangan dan Penyiaran Singapura

Pada akhir Ogos 1939 Za'ba telah ditukarkan ke Jabatan Penerangan dan Penyiaran British di Singapura. Penukaran Za'ba ke jabatan ini kerana ketokohnya dalam lapangan bahasa, khususnya sebagai penterjemah dan pengarang yang sangat diperlukan oleh jabatan itu. Tugas beliau yang utama adalah sebagai juruhebah perang di Radio Malaya di Singapura. Tugas itu dilaksanakan dengan sungguh-sungguh siang dan malam. Beliau juga menterjemahkan berita-berita perang dan ucapan-ucapan gabenor untuk siaran. Oleh itu ketika tentera Jepun masuk ke Singapura pada tahun 1942 timbul juga kecemasan tentang nasibnya pada masa hadapan. Sebagai seorang pegawai penerangan beliau selalu berucap di radio tentang kebagusan orang Inggeris, tentang kepandaian orang Inggeris yang melebihi orang Jerman dan tentang kekalahan orang Jerman dalam pertempuran melawan orang Inggeris, padahal Jerman ialah sahabat dan sekutu Jepun.

Namun, perkara yang dikhuatirkan itu semuanya tidak berlaku kerana selepas Jepun masuk, Za'ba mendapat tugas meneruskan pekerjaannya yang lama sebagai ketua penerangan berita radio yang diawasi oleh tentera Jepun.

7. Ketua Penerangan Berita Radio Jepun di Singapura

Tugas Za'ba semasa memegang jawatan ini antara lain adalah menterjemah dan memperbaiki hasil terjemahan bahan-bahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa lain seperti Melayu, Cina, Tamil dan Hindustan. Pada bulan April 1946 itu juga beliau mendapat tugas-tugas baru daripada Jepun supaya membuat buku-buku bacaan yang dapat digunakan untuk Malaya dan Sumatera di Jabatan Bunkyo-ka (Jabatan Pelajaran dan Agama).

8. Pegawai Penterjemah Pentadbiran Tentera British (BMA)

Pada pertengahan tahun 1945 beliau telah meletakkan jawatan ketua penerangan dengan alasan kesihatannya terganggu. Za'ba sekeluarga kembali ke Kuala Lumpur dan setelah tentera Inggeris masuk, beliau bekerja kembali dengan Pentadbiran Tentera British (BMA) di Kuala Lumpur sebagai penterjemah bahasa Melayu.

9. Pensyarah di Universiti London

Pada akhir tahun 1947 Za'ba telah dihantar ke London untuk bertugas sebagai pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental dan African Studies (SOAS) di Universiti London. Di samping mengajar, tujuan beliau dihantar ke sana adalah untuk mempelajari kaedah peraturan universiti tersebut. Beliau menjadi pensyarah di sekolah ini selama tiga tahun.

Selama berada di London Za'ba telah mengambil kesempatan untuk meningkatkan taraf pencapaian akademiknya walaupun sudah berumur 52 tahun. Sesampai di London beliau mendaftarkan diri untuk mengikut kursus Diploma Bahasa Arab klasik, di samping mendaftar diri untuk mengambil peperiksaan *Special University Entrance* bagi membolehkan beliau mengikuti kursus ijazah sastera di Universiti London.

Pada pertengahan tahun 1949 Za'ba lulus peperiksaan Diploma Bahasa Arab Klasik, dan kemudian berjaya dalam peperiksaan *Special University Entrance*. Walau bagaimanapun rencananya untuk mendapat ijazah itu tertunda kerana kesibukan tugas dan tempoh pekhidmatannya di London tamat.

Beliau balik ke Tanah Melayu pada bulan Ogos 1950. Dalam perjalanan balik beliau dan isteri telah melawat Mesir. Kemudian beliau bersama isterinya meneruskan perjalanan ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji. Semasa berada di Mekah, iaitu pada 16 September 1950, umur Za'ba genap 55 tahun. Ini bererti Za'ba sudah mula bersara daripada kerajaan.

10. Ketua Jabatan Merangkap Pensyarah Kanan di Universiti Malaya

Oleh sebab kewibawaannya, pada 29 November 1952 Za'ba dilantik sebagai pensyarah kanan merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu (JPM) di Universiti Malaya. Pada ketika itu beliau adalah satu-satunya tenaga pengajar di JPM. Pada bulan Mei 1953 baharulah Za'ba mendapat seorang pembantu untuk bakal dilantik menjadi pensyarah. Beliau ialah Dr. Edward de Josselin de Jong. Beliau ditugaskan untuk mengatur pentadbiran dan menyediakan sukatan pelajaran jabatan itu bagi penuntut tahun pertama sesi 1953/54. Pada peringkat awal, tugas pentadbiran Za'ba termasuk menubuhkan perpustakaan JPM. Apabila JPM mula menerima kemasukan kumpulan pertama penuntutnya pada Oktober 1953, tugas Za'ba adalah mengendalikan kuliah dan tutorial serta bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pentadbiran JPM.

Ketika bertugas di situ beliau meneruskan rencananya di London dahulu. Pada bulan Jun 1953 Za'ba menduduki peperiksaan akhir kursus ijazah luar kampus Universiti London. Beliau berjaya mendapat kelulusan Sarjana Muda Sastera Kelas Kedua (Rendah) sewaktu berumur 58 tahun.

Mengikut perjanjian, tempoh perkhidmatan Za'ba di JPM berakhir pada 31.12.1956. Namun oleh sebab belum mendapat pengganti, tempoh ini dilanjutkan hingga akhir 1957, kemudian kerana masih belum mendapat pengganti hingga 31.12.1957; dan berlanjutan lagi hingga 31.12.1958, sementara itu, kesihatannya semakin merosot sedangkan beban tugas sebagai ketua JPM pula semakin berat.

Penulisan

Za'ba telah mula mencuba bakatnya dalam penulisan untuk diterbitkan pada masa beliau mula memasuki dunia kerjayanya, iaitu semasa beliau menjadi guru sementara. Rencana Za'ba yang mula-mula diterbitkan berjudul "Temasya Mandi Safar di Tanjung Kling". Rencana ini diterbitkan sebanyak dua kali berturut-turut dalam *Utusan Melayu* keluaran Januari 1916.

Semasa di Johor Bahru Za'ba mula bergiat cergas dan serius dalam lapangan penulisan. Bermula pada Ogos 1916, rencana-rencananya mendapat tempat dalam akhbar-akhbar, terutamanya *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*. Tema penulisannya ialah masalah kemunduran bangsa Melayu. Tajuk penulisannya ialah "Persaudaraan di Antara Ilmu, Bahasa, Bangsa, Persatuan dan Kemajuan". Kebanyakan rencana Za'ba ini bersambung-sambung. Dalam penulisan tentang masalah kemunduran orang Melayu beliau menggunakan nama pena Patriot. Di samping rencana Za'ba juga menulis syair yang berkaitan dengan kemajuan dunia barat dan kemunduran orang Melayu dalam bidang pengetahuan dan pelajaran. Beliau telah menulis sebanyak 135 rangkap dengan menggunakan nama pena Za'ba.

Sekitar tahun 1917 dan awal tahun 1918 beliau memperkatakan beberapa aspek kemunduran pendidikan anak-anak Melayu dengan menggunakan nama samaran Anak Melayu Jati. Dengan menggunakan nama pena Zai Penjelmaan, beliau telah menulis berpuluh-puluh rencana pendek tentang pelbagai perkara termasuk bahasa, persuratan, syair dan pelajaran.

Sungguhpun Za'ba terlibat dalam pelbagai kegiatan semasa di MCKK, beliau masih terus menulis. Pada bulan pertama di MCKK rencana beliau mula disiarkan dalam majalah *Pengasuh*, Kelantan. Rencana panjang yang bersambung-sambung itu terus tersiar dalam majalah tersebut untuk selama empat tahun iaitu dari keluaran Oktober 1918 hingga Ogos 1922. Dalam rencana itu beliau menggunakan nama pena *Patriot*. Antara tahun 1919-1920 beliau menulis berpuluh-puluh rencana dalam akhbar *Utusan Melayu*. Rencana yang bersambung-sambung itu menggunakan tajuk "Agama Islam Dahulu dan Sekarang", dan kemudian diubah kepada tajuk "Cermin Muslimin". Pokok persoalan yang dibincangkan ialah masalah pelajaran Melayu dan pelajaran agama (madrasah) dan syor-syornya, kepentingan ilmu pengetahuan sebagai syarat memperoleh kemajuan bangsa, dan pentingnya ilmu penterjemahan. Za'ba juga mempersoalkan dan membincangkan kemunduran agama, terutamanya dari segi kepercayaan orang Melayu dan peranan agama dalam masyarakat, serta mengesyorkan agar diperbaharui cara-cara pengajaran agama; menentang kepercayaan karut; dan mengutuk sikap taklid buta. Beliau menyindir para ulama ketika itu yang dianggap "ulama tua" yang bertanggungjawab menyekat fikiran umat Islam daripada menerima pembaharuan dalam pelbagai lapangan hidup.

Antara tahun 1921-1922 pula, Za'ba menulis 80 buah rencana panjang bersambung-sambung tentang agama Islam yang meliputi semua aspek. Menurut Za'ba, semua rencana itu hasil terjemahan daripada syarahan Khwaja

Kamaluddin semasa melawat ke rantau ini. Pada hakikatnya Za'ba hanya memilih pokok persoalan syarahan dan membuat huraian sendiri bersesuaian dengan keadaan tempatan.

Za'ba mula mendalami pengetahuannya tentang gerakan reformis Islam sejak tahun 1918 lagi. Menjelang akhir tahun 1918 beliau berjaya menghubungi tokoh-tokoh luar negara seperti Khwaja Kamaluddin pengasas *The Muslim Mission* di England, dan Syed Mohd. Rashid Ridha, editor dan pemilik majalah *Al-Mannar* di Mesir. Antara Za'ba dengan kedua-dua tokoh ini terjalin ikatan persahabatan yang memudahkan beliau mengikut perkembangan gerakan tersebut dengan lebih berkesan. Kesempatan ini juga memberikan kemudahan kepada Za'ba untuk melanggan majalah-majalah terbitan mereka seperti *Islamic Review* (England) dan *Al Mannar* (Mesir) ataupun buku-buku rujukan lain. Selain dua majalah tersebut, Za'ba juga melanggan majalah *The Light* (India) pada tahun 1919 dan *Al-Hilal* (Mesir) pada 1921.

Za'ba telah mengisytiharkan kepada umum, melalui rencana dalam *Utusan Melayu* keluaran 6.11.1918 tentang pendiriannya menyertai golongan Kumpulan Kaum Muda ketika itu. Za'ba kemudian turut terlibat dengan usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh Khwaja Kamaluddin. Za'ba adalah salah seorang daripada mereka yang menyambut ketibaan Khwaja Kamaluddin di Singapura, dalam rangka lawatannya dan berdakwah di Singapura, Jawa dan Persekutuan Tanah Melayu pada sekitar bulan April 1921. Sehubungan dengan itu, Za'ba menulis rencana-rencana dalam akhbar tempatan memberi penjelasan tentang lawatan itu. Pelbagai kegiatan yang diadakan semasa lawatan dan sejarah ringkas perjuangan tokoh itu. Dalam masa perjalanan ke Pulau Pinang, Khwaja Kamaluddin telah singgah dan makan tengah hari di rumah Za'ba di Kuala Kangsar. Kesempatan ini telah digunakan untuk memberi syarahan kepada para pelajar dan guru di MCKK, di Masjid Ubudiyah, Kuala Kangsar. Za'ba juga telah memperkenalkan Khwaja Kamaluddin kepada Sultan Iskandar Shah di istana Bukit Chandan dan di sana pun beliau berkesempatan memberi syarahan.

Sempena lawatan Khwaja Kamaluddin itu, Za'ba muncul sebagai pendakwah yang paling aktif melalui tulisannya. Namun, walaupun beliau cenderung membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu menurut perspektif Islam tetapi tema penulisannya tetap tidak berubah iaitu mengkritik orang Melayu, pembesar Melayu, raja-raja dan kerajaan kolonial Inggeris. Ini menjadikan penulisan Za'ba popular di kalangan pembaca, tetapi menimbulkan curiga kepada kerajaan kolonial.

Akibatnya Za'ba dikenakan tindakan disiplin oleh pihak berkuasa pelajaran di MCKK. Za'ba tidak diberikan kenaikan gaji tahunan. Beliau diberi amaran lisan supaya tidak mempengaruhi fikiran pelajar-pelajar MCKK. Pihak berkuasa berpendapat bahawa fikiran-fikiran Za'ba yang diluahkan dalam akhbar dan majalah ketika itu amat berbahaya jika disampaikan kepada pelajar-pelajar melalui pengajarannya. Berikutan daripada itu, Za'ba telah diminta memberi penjelasan tentang kegiatan penulisannya kepada Raja Chulan bin Raja Abdullah, ahli Lembaga Penyelia MCKK. Dalam pertemuan itu Raja Chulan meminta supaya Za'ba memberhentikan kegiatan penulisannya kerana dianggap 'cuba menghasut' pembaca-pembaca akhbar dan majalah tempatan. Pernyataan yang berupa ancaman itu diikuti pula dengan pengawasan yang amat rapi oleh guru besar MCKK sendiri. Akibat daripada penulisan ini, pada tahun 1922, walaupun telah lulus peperiksaan akhir *Senior Normal Education* pada September 1921, Za'ba tidak dinaikkan pangkat kepada guru sekolah Inggeris gred 1. Beliau kekal pada taraf Guru Sementara sahaja.

Kebolehan Za'ba dalam bidang penulisan telah menarik perhatian R.O. Winstedt yang menjadi Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat pada 1916-1921. Winstedt mahu Za'ba meneruskan kegiatan penulisannya tetapi disalurkan kepada bidang yang tidak kontroversi sifatnya. Usaha Winstedt ini agak berjaya kerana Za'ba mula menulis tentang kebudayaan Melayu dalam *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Namun, Za'ba terus menulis dengan nada kritis terhadap kerajaan British, di samping terus melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan sosial lain yang dianggap berbahaya kepada kedudukan British di Tanah Melayu.

Semasa di Kuala Lumpur, selepas ditukarkan dari MCKK, Za'ba tidak banyak menulis. Penulisan pertamanya diterbitkan dalam ruangan *Editorial* akhbar *The Malay Mail* terbitan 1 Disember 1923 bertajuk "*The Poverty of the Malays*". Rencana ini diikuti dengan surat-menyurat yang pro dan kontra daripada pembaca. Berikutan itu, Za'ba menulis enam buah rencana lanjutan sebagai menjawab pertanyaan ataupun memberikan penjelasan terhadap pendapat-pendapat terdahulunya itu. Ini termasuklah sebuah rencana akhirnya yang bertajuk "*The Salvation of Malays*" dalam ruangan *Editorial* pada 22 Disember 1923.

Semasa di SITC, banyak tenaganya ditumpukan ke arah penerbitan buku sekolah dan buku bacaan umum; selain memberi penumpuan dan perhatian yang khusus dan lebih serius kepada usaha memajukan bahasa Melayu.

Perkembangan ini adalah kemajuan positif kerana sebelum ini Za'ba hanya memperkatakan masalah tatabahasa dan karang mengarang dalam rencana-rencananya. Beliau telah berjaya menerapkan kerangka nahu Arab dan Inggeris kepada bahasa Melayu. Dengan itu Za'ba menjadi sarjana Melayu yang pertama menghasilkan tatabahasa Melayu yang lengkap dan mendalam. Beliau telah berjaya menerbitkan beberapa buah buku bahasa seperti *Ilmu Bahasa Melayu I* dan *Ilmu Bahasa Melayu II* (1927), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929) dan *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi* (1938), dan tiga jilid dalam siri *Pelita Bahasa Melayu* (1940, 1946 dan 1949).

Za'ba juga hendak menerbitkan "Kamus Bahasa Melayu" dan "Rahsia Ejaan Jawi II" tetapi dihalang oleh O.T. Dussek. Halangan Dussek ini adalah salah satu cara untuk menyekat perkembangan sikap nasionalis Za'ba dan salah satu aktiviti untuk mengawas kegiatan Za'ba. Alasan tersurat Dussek tentang halangan ini adalah kerana penerbitan buku *Rahsia Ejaan Jawi* (1929) terdahulu tidak melaluinya.

Sejak awal tahun 1930-an hingga tahun 1936 hasil karya Za'ba tidak dapat diterbitkan kerana pandangan dan idea revolusionerinya. Sebagai memenuhi kehendak naluri dan semangat nasionalisme, Za'ba mengedit, membaiki dan menambah isi rencananya tentang agama Islam yang pernah diterbitkan dalam majalah *Al-Ikhwān*, *Semangat Islam* dan *Saudara* untuk dijadikan buku. Hasilnya lahirlah buku agama sulung Za'ba berjudul *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir* (Sukatan Azali) dalam Agama Islam dalam tahun 1932. Kemudian, pada tahun 1934 Za'ba berjaya menterjemahkan sebuah kitab bahasa Arab atas permintaan gurunya, Sheikh Tahir Jalaluddin. Buku terjemahan itu diberi judul *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba*.

Kedua-dua buku ini mendapat perhatian khusus daripada golongan ulama di negeri Perak termasuk Sultan Perak. Mereka mendapati kedua buku ini mengandungi fahaman moden dan akan membahayakan iktikad orang Melayu tentang agama Islam. Oleh itu Sultan Perak telah meriggunakan kuasanya untuk mengharamkan pengedaran buku tersebut di negeri Perak. Pada 29 April 1935, Residen British telah datang sendiri ke SITC menemui Za'ba untuk menyampaikan berita pengharaman itu. Za'ba telah diberi amaran lisan dan diarah supaya memohon maaf kepada sultan, yang dilakukan Za'ba tidak lama selepas itu.

Selepas peristiwa itu Za'ba dilarang mencetak atau menerbitkan bahan tanpa izin bertulis daripada Pengetua SITC tetapi beliau masih boleh berkhidmat di situ. Tekanan ini bukan melemahkan semangat Za'ba malah sebaliknya.

Walaupun tidak menulis untuk akhbar tetapi terus menulis khusus berkenaan agama Islam untuk diri sendiri. Semangat nasionalis dan reformasi agama yang kuat ini terbukti apabila dalam tahun yang sama (1935) Za'ba cuba menerbitkan penggal kedua dan ketiga buku *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam Agama Islam*. Namun penerbitannya tergendala kerana Syed Alwi al-Hadi belum dapat membereskan kerja-kerja percetakan yang banyak di Jelutong Press berikutan kematian bapanya Syed Sheikh al-Hadi pada tahun 1934. Tidak dapat menerbitkan ideanya, Za'ba telah menyalurkan idea dan pandangan melalui syarahan-syarahannya kepada pelajar-pelajar (serta beberapa orang kakitangan SITC) bahasa Arab dan agama yang belajar di rumahnya. Antara tajuk syarahannya ialah "Pergerakan Memulihkan Agama Islam" (1934), "Muhammad and Islam" (1935) dan "The Malays and Religion" (1936).

Za'ba mula menyedari hakikat yang beliau sebenarnya seorang ahli bahasa apabila beliau ditugaskan di Jabatan Penerangan dan Penyiaran British di Singapura pada tahun 1939. Dengan memberikan tugas tersebut, pihak berkuasa dan pihak-pihak lain mengakui ketokohan Za'ba dalam lapangan bahasa. Khidmat bahasa beliau ini turut diperakui oleh pemerintah tentera Jepun apda tahun 1942-1945.

Za'ba mula menerima hakikat ini selepas pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat daripada konflik jiwa Za'ba yang akhirnya memilih untuk terus bergiat dalam lapangan bahasa walaupun beliau mempunyai keupayaan dan potensi sebagai aktivitis politik dan agama.

Za'ba telah berjaya menyudahkan tiga buah buku tatabahasanya iaitu, *Pelita Bahasa Melayu I, II dan III* sekitar 1946-1947. Penghasilan buku-buku tersebut merupakan kemuncak kepada penulisan buku-buku tatabahasa. Ini merupakan buku rujukan tatabahasa yang lengkap untuk semua peringkat pendidikan Melayu zaman itu, iaitu dari darjah satu hingga maktab perguruan.

Walaupun Za'ba diperakui sebagai tokoh bahasa, ini tidak bermakna beliau berhenti memberi sumbangan dalam aspek lain. Beliau berpendapat bahawa orang Melayu masih lagi mundur dalam segala lapangan kehidupan mereka - pelajaran, bahasa, agama, sosial, ekonomi dan politik. Pandangan beliau ini terus disebarkan melalui penulisan sehingga tahun 1960-an. Dua dekad sebelum beliau bersara menulis, rencana-rencananya diterbitkan dalam penerbitan seperti majalah *Qalam*, *The Malayan Undergrad*, *Majalah Guru*, *Majalah Belia*, *Majalah Kebudayaan*, *Majalah Bahasa*, *Majalah Dewan Bahasa*, akhbar *Warta* dan juga

Utusan Melayu. Di samping itu beliau juga menyumbangkan rencana dalam penerbitan luar negara, antaranya *Journal of World History* dan *Encyclopaedia of Islam*.

Khidmat Kemasyarakatan

Selain menjadi seorang penulis yang berbakat istimewa, gigih dan prolifik, sama ada dalam bahasa Melayu atau Inggeris dalam bidang bahasa, sastera, kebudayaan, agama, pendidikan, ekonomi dan politik, Za'ba juga aktif dalam perkhidmatan kemasyarakatan. Za'ba mula bergerak dalam persatuan sosial bermula semasa di MCKK. Persatuan yang pertama dianggotai Za'ba ialah *The Young Muslim Union Penang*. Pergerakan ini dikatakan cenderung untuk menyebarkan fahaman reformis Islam dari India. Penglibatannya dengan gerakan ini memberi peluang untuk berkenalan dan menjalin persahabatan dengan S.M. Zainal Abidin dan Syed Alwi al-Hadi, tokoh penulis pada ketika itu. Kegiatan Za'ba ini menyebabkan beliau dikeluarkan daripada MCKK.

Pada bulan Februari 1923 Za'ba dan sahabatnya cuba menubuhkan sebuah persatuan persuratan. Za'ba menamakan persatuan itu sebagai *The Malay Literary Association Kuala Lumpur* atau Persekutuan Surat-surat Melayu Kuala Lumpur. Sehingga bulan Disember 1923, mereka gagal untuk mendaftarkan persatuan itu kerana pihak pendaftar enggan memberikan persetujuan. Antara tujuan persatuan ini, seperti tersiar dalam majalah *Kemajuan Pengetahuan*, 22.7.1925 adalah untuk:

Kemajuan bangsa dan menyemai perasaan yang gemar pada membaca dan karangan mengarang dan jalan-jalan yang terlebih molek pada memperbaiki bahasa [Melayu].

Setelah beberapa kali mengadakan perjumpaan dan menukar nama kepada *The Malay Literary Society Kuala Lumpur*, serta membuat rayuan-rayuan kepada pihak berkenaan, akhirnya pada 18 Mac 1924, lahirlah persatuan yang diasaskan oleh Za'ba sejak setahun sebelum itu. Walau bagaimanapun, Za'ba yang menjadi Naib Yang Dipertua Kedua, terpaksa mengundur diri kerana beliau ditukarkan ke Sultan Idris Training College (SITC) Tanjung Malim. Turut berhenti atas sebab yang sama, iaitu bertukar tempat bertugas ialah setiausaha persatuan, Muhammad Yasin bin Abdullah. Akibat pertukaran ini, pada 24 Disember 1924 persatuan ini telah dibubarkan dan digantikan pula oleh 'Persatuan Kemajuan Pengetahuan'. Dalam persatuan baru ini Za'ba hanya menjadi Ahli Jawatankuasa Karang Mengarang yang mewakili Tanjung Malim.

Antara tahun 1936-1939, Za'ba tidak lagi melibatkan diri dalam kegiatan penulisan, sama ada dalam bentuk rencana ataupun buku. Masa selama lebih kurang tiga tahun ini digunakan untuk menenangkan fikiran. Dalam tempoh masa itu Za'ba bagaimanapun bersetuju menjadi penasihat umum kepada Persaudaraan Sahabat Pena Melaya (PASPAM) mulai tahun 1937. Jawatan ini dipegangnya hingga ke akhir Ogos 1939 apabila beliau ditukarkan bertugas di Singapura pula.

Semasa Za'ba berada di Kuala Lumpur dalam tahun 1945, Za'ba turut bergiat dalam pertubuhan politik tanah air. Ketika itu bekas ahli jawatankuasa Persatuan Melayu Selangor (PMS) berusaha menggerakkan semula persatuan itu yang telah dibubarkan pada tahun 1942. Mereka menjemput Za'ba untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa PMC dan akhirnya bersetuju melantik beliau sebagai Yang Dipertua menggantikan tempat Tengku Ismail (Yang Dipertua Pertama) yang meninggal dunia semasa Perang Dunia Kedua.

Sebulan selepas penubuhan semula PMS, timbul persoalan kerajaan British hendak menubuhkan *Malayan Union*. PMS di bawah pimpinan Za'ba telah menggemparkan Tanah Melayu dan mengkagumkan dunia kerana keberaniannya menghantar sepucuk telegram bantahan penubuhan *Malayan Union* kepada Setiausaha Negara British di London.

Berikutnya, PMS juga terlibat dengan aktif untuk mengadakan kongres orang Melayu bagi membincangkan masalah politik mereka. Akhirnya kongres tersebut berjaya diadakan selama empat hari iaitu 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Sebaik sahaja kongres bermula pada 1 Mac, Za'ba mencadangkan nama Datuk Onn untuk mempengeruskannya. Cadangan ini disokong oleh Hj. Abdul Wahab (Datuk Panglima Gantang). Dalam kongres itu juga tertubuhnya UMNO. Datuk Onn mencadangkan nama *United Malays Organisation* (UMNO) sebagai ganti. Nama ini berkekalan hingga hari ini. Za'ba juga telah menyediakan nama terjemahan rasmi dalam bahasa Melayu iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PKMB) yang dikenali pada ketika itu sebagai PEKEMBAR. Pada hari kedua Za'ba dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Penggubal Rang Piagam UMNO.

Pada 26 Mac 1946 Za'ba memberi ceramah di radio menjelaskan kepada penduduk bukan Melayu khususnya supaya memahami hasrat orang Melayu. Beliau juga merayu kerajaan British supaya memberi pertimbangan yang wajar kepada resolusi yang diputuskan oleh kongres. Pada 19 April 1946 Za'ba melukiskan rangka bendera yang diberi nama Bendera Kebangsaan Melayu tetapi beliau tidak berpeluang mengemukakan idea benderanya itu kerana majlis mesyuarat agung UMNO kedua pada 29 dan 30 Jun 1946, yang membincang-

kan corak bendera UMNO, Za'ba telah menarik diri daripada UMNO. Za'ba menamatkan kegiatan politiknya setelah piagam UMNO yang turut digubalnya diterima dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung UMNO pertama di Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Za'ba sendiri menyatakan pendiriannya tentang politik pada awal tahun 1947 bahawa: 'I am no politician, leads no party and follows no leader.'

Pada tahun yang sama Za'ba juga menarik diri sebagai Yang Dipertua PMS. Antara tahun 1946-47 Za'ba tidak berapa sihat. Pada Mei 1946 beliau menghidap penyakit batu karang yang menyebabkan beliau dirawat di hospital beberapa kali. Ini berterusan hingga beliau dibedah pada Julai 1947. Keadaan kesihatannya yang terganggu ini mempengaruhi beliau mengurangkan kegiatan politiknya.

Pada tahun 1947 kerajaan British telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pelajaran Tinggi (Carr-Saunders Commission) untuk meninjau kemungkinan menubuhkan sebuah universiti di Tanah Melayu. Za'ba turut mengemukakan dua memorandum peribadi berkenaan isu tersebut, iaitu:

1. Pada 3 April 1947, memorandum bertajuk: *A Chair of Malay in the University College of Malaya - Its Necessity and Functions.*
2. Pada 23 April 1947, memorandum berjudul: *Malay Attitudes to the Project of a University or University College.*

Pihak kerajaan bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya itu untuk menubuhkan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) dan Jabatan Pengajian Cina di Universiti Malaya. Za'ba ialah calon yang diharap-harapkan oleh Pegawai Tinggi Pelajaran British di Tanah Melayu untuk mengetuai JPM.

Semasa bertugas di JPM, Za'ba terlibat dalam beberapa pertubuhan bahasa sama ada sebagai ahli kehormat atau penaung. Dalam tahun 1953, bersama Ungku Aziz beliau menganjurkan pembentukan sebuah pertubuhan bahasa bagi mahasiswa Melayu Universiti Malaya, dan akhirnya pada 29 Januari 1955 lahirlah Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM).

Pada 16-21 September 1956 Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya ketiga telah diadakan di Johor Bahru. Za'ba sebagai ketua JPM ditugaskan menjadi Ketua Jawatankuasa Pusat Kongres. Kongres ini kemudian melantik Za'ba sebagai pengerusi Lembaga Tetap Kongres (LTK). Dan pada hari akhir

kongres, tanpa diberitahu terlebih dahulu, Za'ba telah dianugerahkan gelaran Pendeta. Anugerah yang berupa sebuah songkok telah disampaikan oleh Cikgu Muhammad Nor bin Ahmad selaku Naib Pengerusi Kongres.

Menjelang akhir tahun 1958, Za'ba meletakkan jawatan sebagai pengerusi LTK. Selain kesihatan, antara sebab Za'ba meletak jawatan ialah:

.... kalau tertunggok jadi pengerusi sahaja tetapi tidak bekerja maka sangatlah ayahanda malu. Istimewa pula jika tidak menghasilkan buah-buah yang ayahanda inginkan, hanya bermesyuarat, bercakap, membuat heboh berjumpa menteri ke sana ke mari, dan mengeluarkan kenyataan dalam surat khabar! Apa lagilah kalau kerja-kerja dijalankan atas nama ayahanda itu perkara yang ayahanda sendiri tiada bersetuju. Umpamanya ayahanda tidak suka sangat-sangat jikalau ayahanda hendak digunakan orang sebagai alat politik - untuk 'memperjuangkan' itu dan ini.

Walaupun telah bersara, Za'ba, tetap terus memberi sumbangan kepada beberapa jawatankuasa. Antaranya ialah Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan Ahli Kehormat Persatuan Bekas Pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Di samping itu beliau turut memberi syarahan ke serata daerah di Persekutuan Tanah Melayu.

Gelaran Pendeta

Sebelum penganugerahan gelaran "Pendeta" dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya Ketiga, 21 September 1956, Za'ba pada hakikatnya telah pernah dua kali diberikan gelaran tersebut:

Pada 9 Ogos 1935, pengarang *Warta Malaya* dalam ulasannya menyatakan bahawa Za'ba ialah:

Seorang muda Pendeta Melayu yang termasyhur bijaksana dan teruji dan karangannya itu memadal menaridal seorang anak Melayu yang berjasa mengharumkan bangsa dan bahasa Melayu.

Mulai tarikh itu pengarah *Warta Malaya* berterusan memberi gelaran Pendeta kepada Za'ba. Perkembangan ini merupakan suatu penghormatan akhbar tersebut terhadap kejayaan Za'ba dalam bidang bahasa.

Pada tahun 1936, *Johor Society of Malay Literature* juga ingin mengurniakan gelaran Pendeta kepada Za'ba selepas berjaya membantu persatuan itu menyudahkan penulisan sebuah kamus Melayu. Cadangan itu ditolak oleh Za'ba kerana beliau berjuang bukan untuk mencari gelaran seumpama itu, perjuangannya adalah untuk merubah pemikiran manusia malah mencapai pembangunan dan kebaikan manusia.

Anugerah

Jasa-jasa Za'ba kepada bangsa dan tanah airnya banyak sekali. Atas segala khidmatnya Za'ba telah diberi beberapa anugerah (ada yang ditolaknya) dan ijazah kehormat.

1. Ijazah Kehormat

Selepas bersara, ketika berumur 68 tahun, pada September 1959 beliau telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doctor of Letters (D. Litt) oleh Universiti Malaya.

Kemudian pada 23 Jun 1973, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam konvokesyen pertamanya menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persu-ratan.

2. Anugerah

Za'ba dalam tahun 1958 sempena dengan ulang tahun pertama kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah dianugerahkan bintang kebesaran Pingat Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Dato'. Namun Za'ba telah menolaknya.

Za'ba juga dalam tahun 1960 telah dianugerahkan bintang kebesaran Brunei, namun Za'ba menolaknya juga.

Pada tahun 1962, beliau ditawarkan sekali lagi bintang kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri. Za'ba tidak dapat menolak lagi kerana dikatakan tidak manis jika ditolak anugerah itu buat kali kedua.

Kembali ke Rahmatullah

Pada hari Selasa 23 Oktober 1973, iaitu dalam usia 78 tahun, Tan Sri Dr.

Hj. Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih terkenal dengan nama Za'ba kembali ke rahmatullah. Malaysia khususnya Negeri Sembilan, kehilangan seorang negarawan ulung yang tidak ada tukar gantinya.

Penutup

Za'ba dalam masa hidupnya adalah seorang yang gigih dan senantiasa dahagakan ilmu pengetahuan. Za'ba walaupun telah bekerja dan berjuang untuk memperbaiki bangsanya terus berusaha untuk meningkatkan ilmunya dalam semua aspek, baik akademik mahupun kerohanian. Walaupun menempuh berbagai-bagai halangan dan rintangan beliau terus berusaha mencari ilmu. Usaha ini tidak pernah luntur kerana pada akhirnya itu semasa berumur 58 tahun beliau berjaya mencapai cita-citanya untuk mendapatkan ijazah.

Tanggal 5 Februari 2001 merupakan hari yang bersejarah kepada bangsa dan bahasa Melayu khususnya dan Negeri Sembilan amnya kerana mulai tarikh tersebut wujud mercu tanda pada keagungan seorang manusia yang bergelar Za'ba. Sepanjang hidupnya Za'ba sentiasa memikirkan bahasa dan bangsanya tanpa mengenal letih dan tidak menghiraukan kesihatan diri dalam memperjuangkan nasib dan masa hadapan manusia Melayu, termasuklah dalam aspek-aspek agama, kepercayaan, budaya, sosial, ekonomi dan politik.

Dengan adanya mercu tanda ini maka generasi yang akan datang akan lebih mengenal siapa Za'ba. Kepada orang Bukit Kerdas dan Linggi serta Negeri Sembilan, *Teratak Za'ba* ini adalah satu tugu yang harus dibanggakan di samping menjadi suatu dorongan, galakan dan inspirasi untuk mencapai kemajuan dan jati diri.

Sebaliknya, jika Teratak ini dibiarkan begitu sahaja tanpa dimanfaatkan sepenuhnya, maka tugu ini tidak akan memberi sebarang makna bagi usaha melanjutkan impian dan cita-cita Za'ba terhadap bangsa dan kemajuan Melayu. Dengan demikian, diharapkan semua pihak menggembeleng tenaga bagi memastikan Teratak Za'ba ini digunakan sepenuhnya untuk kemajuan bangsa Melayu daripada semua aspek. Oleh itu sesiapa sahaja yang mempunyai apa sahaja yang berkaitan dengan Za'ba harus memberi sumbangan dan bantuan baik dari segi material sama ada merupakan bahan yang bercetak atau belum atau artifak-artifak yang berkaitan dengan Za'ba maupun sumbangan dan bantuan moral agar Teratak ini dapat diisi sepenuh dan selengkapnyanya tentang Za'ba.